

11 DEC 1997

Dewan-penyu (Terengganu)

RANTAU ABANG TIDAK BOLEH BERGANTUNG KEPADA TARIKAN PENYU

KUALA TERENGGANU, 11 Dis (Bernama) -- Promosi bagi menarik pelancong ke pantai Rantau Abang tidak boleh bergantung kepada tarikan penyu bertelur semata-mata, kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Datuk Aziz Awang hari ini.

Kawasan itu mempunyai banyak tarikan asli yang lain bagi dinikmati oleh pelancong, katanya ketika menjawab soalan Shafie Daud (BN-Rantau Abang) pada persidangan Dewan Undangan Negeri, yang ingin tahu usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi menarik pengunjung ke Rantau Abang.

Aziz berkata taman rekreasi dan botani Jambu Bongkok dijangka menjadi tumpuan ramai apabila beroperasi tidak lagi.

"Rantau Abang tidak boleh lagi menggunakan pesta penyu bertelur dalam promosi terutama di pasaran antarabangsa kerana kini sukar untuk melihat penyu bertelur di kawasan itu," katanya.

Beliau berkata kerajaan memperuntukkan RM4.7 juta untuk membina pusat penyelidikan penyu bagi membolehkan orang ramai melihat hidupan itu secara dekat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kawasan Desa dan Bandar, Ahmad Said berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM3 juta untuk membersihkan dan mengindahkan semua bandar dan daerah di negeri ini dan RM3 juta lagi untuk membina dan mempertingkatkan kemudahan sistem perparitan.

Kepada soalan Mohamed Jidin Shafiee (BN-Permaisuri), beliau berkata RM4.6 juta diperuntukkan tahun ini bagi program kebersihan dan keindahan bandar dan penjagaan taman.

Aktiviti utama yang dijalankan ialah menanam pokok teduhan di sepanjang jalan dan pembahagi jalan serta meningkatkan keindahan taman rekreasi dengan pokok serta kemudahan lain sesuai dengan Kempen Menanam Pokok yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami menjangka menanam 140,000 pokok sehingga tahun 2000 dan ia telah dimulakan 3 Mac lepas," kata Ahmad.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Masyarakat Pertanian dan Perikanan Datuk Mamat Ghazalee Abdul Rahman memberitahu Dewan bahawa generasi muda didapati tidak meminati bidang pertanian tetapi lebih berminat menyertai pertanian komersil.

Menjawab soalan Haji Ibrahim Yusof (BN-Kuala Berang), beliau berkata maklumat Jabatan Pertanian menunjukkan hampir 30 peratus daripada peserta projek komersil anjuran jabatan itu adalah golongan muda berumur kurang daripada 40 tahun.

Katanya kerajaan menganjurkan beberapa jenis kursus di Kompleks Pertanian Negeri dalam usaha menarik lebih banyak golongan muda dalam bidang itu manakala Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengenal pasti beberapa program dan pendekatan seperti ceramah, pameran dan lawatan ke ladang milik jabatan. -- BERNAMA

SBJ MAI